# LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA
## (Kementerian Perladangan & Komoditi)

Kami memerlukan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk berkhidmat di Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) bagi jawatan-jawatan seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | GRED | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KUMPULAN | TARAF JAWATAN | JADUAL GAJI |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | PEGAWAI EHWAL EKONOMI | E41 | EKONOMI (E) | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | TETAP | E41<br>Minimum – Maksimum<br>RM2,083.00 – RM9,549.00 |
| 2. | PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI | E29 | EKONOMI (E) | PELAKSANA | TETAP | E29<br>Minimum – Maksimum<br>RM1,493.00 – RM5,672.00 |
| 3. | PEMBANTU TADBIR (P/O) | N19 | PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N) | PELAKSANA | TETAP | N19<br>Minimum – Maksimum<br>RM1,352.00 – RM4,003.00 |
| 4. | PEMBANTU EHWAL EKONOMI | E19 | EKONOMI (E) PELAKSANA | PELAKSANA | TETAP | E19<br>Minimum – Maksimum<br>RM1,353.00 – RM4,005.00 |
| 5. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) | W19 | KEWANGAN (W) | PELAKSANA | TETAP | W19<br>Minimum – Maksimum<br>RM1,353.00 – RM4,005.00 |
| 6. | PEMANDU KENDERAAN (TRAKTOR/JENGKAUT /LORI) | H11 | KEMAHIRAN (H) | PELAKSANA | TETAP | H11<br>Minimum – Maksimum<br>RM1,218.00 – RM2,939.00 |

**TARIKH TUTUP PADA :<u>08 JULAI 2024</u>**

## PANDUAN PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat secara online yang boleh dilayari di pautan berikut: https://apps.lktn.gov.my yang akan dibuka pada **24 JUN 2024 (ISNIN).**

2. Pemohon tidak perlu menghantar sebarang surat menyurat dan salinan sijil-sijil sehingga dihubungi oleh pihak urusetia.

3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **satu (1) tahun** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

4. Kekosongan jawatan adalah di pejabat LKTN seluruh Malaysia.

5. Tarikh tutup iklan jawatan pada **8 JULAI 2024 (ISNIN).**

6. Sebarang masalah semasa menggunakan sistem ini, sila klik pada https://forms.gle/XmppzXLuo97e8Vmq8 untuk membuat aduan.

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG**
**LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (LKTN)**

| BIL. | JAWATAN | SYARAT KELAYAKAN |
|---|---|---|
| 1. | **PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41** | **SYARAT LANTIKAN :**<br><br>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a) warganegara Malaysia;<br>b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c) memiliki:-<br>(i) Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,083.00); atau<br><br>(ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang di iktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,286.57); atau<br><br>(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,490.99); atau<br><br>(iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya,<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,797.62); atau<br><br>(v) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada gred E41 : RM2,797.62); atau<br><br>(vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,899.83); atau<br><br>(vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM3,002.03).<br><br>Senarai badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1 (c) (v) dan 1 (c) (vi) adalah seperti di **LAMPIRAN**. |

**LAMPIRAN**

**SENARAI KEAHLIAN BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN**

(i) Malaysian Association of Certified Public Accountants;

(ii) Institute of Chartered Accountants of Scotland;

(iii) Institute of Chartered Accountants in England And Wales;

(iv) Institute of Chartered Accountants in Ireland;

(v) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);

(vi) Institute of Chartered Accountants in Australia;

(vii) Australian Society of Certified Practising Accountants;

(viii) New Zealand Chartered Accountants;

(ix) Canadian Institute of Chartered Accountants;

(x) Institute of Chartered Accountants of India;

(xi) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom);

Nota:

Senarai ini seperti yang termaktub dalam Jadual 1, Seksyen 14(1)(b) dan Seksyen 15(b) Akta Akauntan 1967 [Akta 94]

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E29/30, E32, E38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
(b) had umur pelantikan:
   i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
   ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
   iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

| | | |
|---|---|---|
| | | **DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>Bertanggungjawab menjalankan perancangan pembangunan industri kenaf, mengawal selia pelesenan tembakau dan pengurusan sumber manusia. Mengawal selia dana-dana yang diperuntukkan, mengurus tadbir agensi/ cawangan, mewakili agensi dalam jawatankuasa/ pertubuhan berkaitan industri peringkat negeri/ negara. Memastikan peraturan-peraturan kerajaan berkaitan perkhidmatan, perolehan, perjawatan, kemudahan dan sebagainya dilaksana dan dipatuhi. Menyediakan laporan prestasi agensi kepada Ahli Lembaga dan stakeholders berkenaan. |
| 2. | **PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E29** | **SYARAT LANTIKAN :**<br><br>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a) warganegara Malaysia;<br>b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c) memiliki<br><br>i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau<br><br>ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau<br><br>iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau<br><br>iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,770.95);<br><br>d) Keutamaan kepada calon yang mempunyai kelayakan akademik Diploma dalam bidang Pertanian, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan, Statistik dan Ekonomi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan.<br><br>**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**<br><br>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan |

| | | |
|---|---|---|
| | | **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**<br><br>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E22/E19 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<br><br>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan<br>(b) had umur pelantikan:<br>i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br>ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br>iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>Bertanggungjawab membangunkan tanaman kenaf, mengadakan aktiviti pengembangan tanaman dan penyampaian teknologi pertanian. Pegawai juga akan terlibat dengan aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan tembakau/ keluaran tembakau. |
| 3. | **PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E19** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br><br>a) warganegara Malaysia;<br>b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c) sekurang-kurangnya memiliki:<br><br>i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,353.00); atau<br><br>ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,353.00); atau<br><br>iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,409.40); atau<br><br>iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred E19: RM1,465.80). |

| | | |
|---|---|---|
| | | **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:**<br><br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pembangunan industri kenaf, melaksanakan aktiviti pengembangan tanaman dan penyampaian teknologi pertanian merangkumi aktiviti logistik untuk memastikan industri kenaf berkembang. Pegawai juga akan terlibat dengan aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan tembakau/ keluaran tembakau. |
| 4. | **PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br><br>a) warganegara Malaysia;<br><br>b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br><br>c) sekurang-kurangnya memiliki:<br><br>i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau<br><br>ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau<br><br>iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).<br><br>iv) Keutamaan kepada calon yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam Pentadbiran Sistem Maklumat dan Pengurusan Pejabat.<br><br>**Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:**<br><br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | **DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). |
| 5. | **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19** | **SYARAT LANTIKAN:**<br><br>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a) warganegara Malaysia; dan<br>b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c) memiliki;<br>i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.<br><br>(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,353.00) atau<br><br>ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau<br><br>iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau<br><br>iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80) atau<br><br>v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)<br><br>**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**<br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | **DESKRIPSI TUGAS**<br>Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman. |
| 6. | **PEMANDU KENDERAAN GRED H11** | **SYARAT LANTIKAN**<br>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a) warganegara Malaysia;<br>b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c) Sekurang-kurangnya memiliki:<br>i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;<br>ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan<br>iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.<br>iv) Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:<br><br>Lesen D — RM1,264.15<br>Lesen E/E1/E2 — RM1,310.30<br>Lesen F/H — RM1,356.45<br>Lesen G/I — RM1,402.60<br><br>**d) Keutamaan kepada calon yang mempunyai lesen memandu kelas E/E1/E2 (GDL & PSV), F, G, H dan I serta boleh mengendalikan traktor, jengkaut dan lori.**<br><br>**e) Calon temuduga akan menjalani ujian pemanduan bas/ lori 16 tan atau pengendalian jentera mekanisasi (traktor/jengkaut).**<br><br>**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**<br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS**<br>Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller,* jentera dan traktor pertanian. |

## PANDUAN PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat secara online yang boleh dilayari di pautan berikut: **https://apps.lktn.gov.my** yang akan dibuka pada **24 JUN 2024 (ISNIN)**.

2. Pemohon tidak perlu menghantar sebarang surat menyurat dan salinan sijil-sijil sehingga dihubungi oleh pihak urusetia.

3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **satu (1) tahun** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

4. Kekosongan jawatan adalah di pejabat LKTN seluruh Malaysia.

5. Tarikh tutup iklan jawatan pada **8 JULAI 2024 (ISNIN)**.

6. Sebarang masalah semasa menggunakan sistem ini, sila klik pada **https://forms.gle/XmppzXLuo97e8Vmq8** untuk membuat aduan.